



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/12/101 (HQ)

### JENAMA TNB KINI KE-6 TERBAIK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menduduki tempat ke-6 dalam senarai jenama terbaik di negara ini berdasarkan *Malaysia Top 100 Brands 2017*, dikeluarkan *Brand Finance Asia Pacific*, baru-baru ini.

Ini bermakna dua tahun berturut-turut TNB memperbaiki kedudukan dari tempat ke-8 pada 2015 kepada ke-7 tahun lalu dan sebagai jenama Malaysia ke-6 paling bernilai pada 2017.

Kali ini, dengan rating AA, TNB memperoleh nilai penjenamaan sebanyak US\$1,583 juta berbanding US\$1,187 juta tahun lalu.

*Brand Finance Asia Pacific* dalam laporannya menggariskan kriteria pemilihan yang antara lain ialah input audit jenama, tingkah laku pemegang berkepentingan dan prestasi syarikat.

Sebelum ini, TNB melonjak 15 anak tangga dengan menduduki tempat ke-24 dalam senarai 50 jenama utiliti terkemuka global *Brand Finance 2017*, pada Mac lalu.

Ia berikutan peningkatan ketara sebanyak 33 peratus dalam nilai jenama syarikat utiliti nasional itu kepada AS\$1.583 bilion (RM7.01 bilion) berbanding AS\$1.187 bilion (RM5.25 bilion) pada 2016.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Disember 2017, jam 11.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*